

Gempa bumi kuat landa Pakistan

S.H 30/10/08 MS 22

KARACHI - Lebih 160 orang terbunuh apabila gempa bumi kuat melanda barat daya Pakistan semalam dengan memusnahkan ratusan rumah yang dibuat daripada tanah liat, kata pegawai-pegawai kerajaan.

Pejabat kajian geologi Amerika Syarikat (AS) berkata gempa berukuran 6.4 pada skala Richter itu melanda timur laut Quetta, ibu negeri wilayah Baluchistan.


Jabatan meteorologi Pakistan pula menganggarkan gempa itu berukuran 6.5 pada skala Richter dan melanda pada pukul 5.10 pagi waktu tempatan.

Pegawai-pegawai berkata jumlah kematian dijangka meningkat.

Pakistan sering dilanda bencana alam dan pada Oktober 2005 seramai 73,000 orang terbunuh apabila gempa berukuran 7.6 pada skala Richter melanda kawasan pergunungan di utara negara itu.

Beratus-ratus penduduk dilaporkan terbunuh dalam kejadian banjir buruk di Baluchistan pada tahun lalu.

Sementara itu, Menteri Hasil Wilayah, Zamrak Khan



Anggota keluarga mangsa gempa bumi menunggu di luar sebuah hospital di Quetta semalam.

berkata, lebih 100 orang terbunuh dalam gempa bumi semalam.

“Lapan kampung di Zaiarat terjejas teruk akibat gempa bumi itu dan masih banyak kawasan yang belum

diperiksa,” katanya.

Beliau berkata, pasukan penyelamat masih belum tiba di kebanyakan kawasan terpencil.

Daerah Ziarat mempunyai kira-kira 50,000 penduduk.